

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
(BAHAGIAN DAGANG)
GUAMAN SIVIL NO. D 2 - 22 - 1776 -2005

ANTARA
SURUHANJAYA SEKURITI ... PLAINTIF
DAN
LIM CHIEW ... DEFENDAN
(NO. K/P : 570218-10-6049)

WRIT SAMAN

YANG AMAT ARIF TAN SRI DATO' SITI NORMA BINTI YAAKOB,
D.S.N.S., J.S.M., HAKIM BESAR MALAYA ATAS NAMA DAN BAGI
PIHAK SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG.

Kepada :-

Lim Chiew
16, Persiaran Damansara Endah
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

KAMI PERINTAHKAN KAMU bahawa dalam tempoh lapan (8) hari selepas penyampaian writ ini ke atas kamu, termasuklah hari penyampaian itu, kamu hendaklah menyebabkan kehadiran dimasukkan untuk diri kamu dalam kausa atas guaman Suruhanjaya Sekuriti, Plaintiff yang dinamakan di atas.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu ingkar berbuat demikian, Plaintiff boleh meneruskan untuk mendapatkan penghakiman dan pelaksanaan.

DISAKSIKAN oleh MUZLINA BT. MOHAMAD JAMIL ,
Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada haribulan - 8 DEC 2005
, 2005/2006.

Peguamcara Plaintiff
Peguamcara Plaintiff


Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur

MEMORANDUM YANG HENDAK DITURUNKAN PADA WRIT

Writ ini tidak boleh disampaikan lebih daripada enam (6) bulan kalender selepas tarikh di atas melainkan jika diperbaharui melalui perintah Mahkamah.

Defendant boleh hadir bersama dengan memasukkan kehadiran sama ada secara sendiri atau melalui peguamcara di Pejabat Pendaftaran, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur.

Defendant yang hadir sendiri boleh, jika dikehendakinya, memasukkan kehadirannya melalui pos, dan borang-borang yang tertentu bolehlah didapati dengan menghantar Kiriman Pos berharga \$10-00 berserta sampul surat beralamat sendiri kepada Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur.

PERNYATAAN TUNTUTAN

1. Plaintiff adalah sebuah badan korporat yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Sekuriti, 1993 ("dan mempunyai alamat di No. 3, Persiaran Bukit Kiara, 50490 Kuala Lumpur.
2. Defendant adalah seorang individu di mana alamat terakhirnya adalah di 16, Persiaran Damansara Endah, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur.
3. Pada masa yang matan, Defendant adalah seorang pengarah bukan eksekutif bebas Magnum Corporation Bhd ("Magnum"), sebuah syarikat bersekutu dengan Multi-Purpose Holdings Berhad ("MPHB").
4. Pada masa yang matan, MPHB adalah pemegang saham Magnum dengan pegangan sebanyak 30.3% di dalam Magnum.
5. Untuk tujuan tindakan ini, Defendant adalah seorang "insider" seperti di dalam makna Seksyen 89E(1) Akta Perindustrian Sekuriti, 1983 ("SIA").

BUTIR-BUTIR

- (A) Pada masa yang matan, MPHB bertujuan untuk memulakan rundingan dengan Bolton Berhad (“Bolton”) untuk menjual keseluruhan sahamnya dalam Magnum kepada Bolton.
- (B) Pada lewat pagi 12.7.1999, satu mesyuarat telah diadakan di MPHB untuk membincangkan cadangan penjualan saham Magnum kepada Bolton (“Cadangan Penjualan Saham Magnum”).
- (C) Sejurus selepas mesyuarat tersebut pada 12.7.1999, MPHB, Bolton dan Magnum telah membuat pengumuman masing-masing kepada Bursa Malaysia Securities Berhad (pada masa itu dikenali sebagai Bursa Saham Kuala Lumpur) untuk menggantung kaunter MPHB, Bolton dan Magnum dengan alasan bahawa MPHB telah memulakan perundingan dengan Bolton berkenaan dengan Cadangan Penjualan Saham Magnum kepada Bolton (“Maklumat”).
- (D) Pada 12.7.1999, perdagangan saham MPHB, Bolton dan Magnum telah berikutan dengan itu digantung oleh Bursa Malaysia Securities Berhad setelah ia telah berpuas hati dengan permohonan penggantungan itu.
6. Pada masa yang matan, Defendan mempunyai suatu akaun urusniaga intra-hari (“Akaun Urusniaga”) di JB Securities Sdn Bhd.
7. Pada 12.7.1999 dan sebelum saham Bolton digantung, Defendan, sebagai seorang “insider” seperti yang dinyatakan di dalam perenggan 5 di atas, telah membeli 590,000 unit saham Bolton (“Saham-saham Bolton”) melalui Akaun Urusniaganya.

8. Pada hari yang sama iaitu pada 12.7.1999, pengumuman mengenai Cadangan Penjualan Saham Bolton telah diumumkan secara awam.
9. Apabila penggantungan Saham-saham Bolton telah dihentikan pada 16.7.1999, Defendan, sebagai seorang “insider” seperti yang dinyatakan di dalam perenggan 5 di atas, telah menjual Saham-saham Bolton dan akibat daripada penjualan tersebut, Defendan telah mengaut keuntungan sebanyak RM414,020.36.
10. Berdasarkan perenggan-perenggan 4 hingga 9 di atas, Defendan telah melanggar Seksyen 89E(2) SIA di mana Defendan, sebagai seorang “insider” seperti yang dinyatakan di dalam perenggan 5 di atas, telah membeli dan menjual Saham-saham Bolton di mana Maklumat tersebut mempunyai kaitan.
11. Walaupun Plaintiff telah membuat tuntutan secara bertulis, Defendan telah gagal dan/atau enggan dan/atau abai untuk memperbaiki perkara-perkara yang diadukan di sini.
12. Plaintiff berpendapat adalah di dalam kepentingan awam untuk memulakan dan dengan itu memulakan tindakan ini terhadap Defendan.

JUSTERU ITU Plaintiff menuntut terhadap Defendan menurut Seksyen 90A(5) dan Seksyen 90A(6) SIA seperti yang berikut:-

- (1) jumlah sebanyak RM1,242,061.08, yang merupakan jumlah tiga (3) kali ganda jumlah sebanyak RM414,020.36 (yang dinyatakan di dalam perenggan 9 di atas);
- (2) penalti sivil di dalam jumlah yang dianggap sesuai oleh Mahkamah yang Mulia ini, yang merupakan jumlah yang tidak melebihi RM500,000.00;

- (3) faedah ke atas sebarang jumlah yang diberikan oleh Mahkamah yang Mulia ini pada kadar dan untuk tempoh yang dianggap wajar dan adil oleh Mahkamah yang Mulia ini;
- (4) kos;
- (5) relif-relif yang selanjutnya dan/atau relif-relif lain yang dianggap sesuai dan adil oleh Mahkamah yang Mulia ini.

Bertarikh pada 8hb Disember, 2005.

Logan Sabapathy & Co
Peguamcara Plaintiff

Pernyataan Tuntutan ini difaikkan oleh Tetuan Logan Sabapathy & Co., peguamcara Plaintiff di atas yang mempunyai alamat penyampaianya di Suite 2002, Tingkat 20, Wisma Hamzah-Kwong Hing, No. 1, Leboh Ampang, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : (03) 2031 9780
Faks : (03) 2031 9781
[Ruj : 2.5305.2/05.25(47)]